

Lombong pasir haram punca banjir di Selangor

» Aktiviti mengakibatkan ban di tebing sungai pecah

Oleh Hamid Karim

bhnews@bharian.com.my

► Klang

Kegiatan melombong pasir secara haram dikenal pasti antara punca utama banjir besar melanda beberapa kawasan sekitar Sepang, Dengkil dan Bukit Changgang.

Ahli Parlimen Sepang, Datuk Seri Mohd Zin Mohamed, berkata kegiatan haram itu yang semakin berleluasa menyebabkan beberapa ban di tebing sungai utama di kawasan terbabit pecah, mengakibatkan air sungai mudah melimpah setiap kali hujan lebat.

"Kami mengesan beberapa kejadian ban pecah di tepi sungai terutama di Dengkil dan Bukit Changgang kerana ma-

sih berlaku kegiatan melombong pasir secara haram di situ. Penduduk kini berdepan ancaman banjir paling buruk kerana kegiatan berkenaan," katanya.

Penguatkuasaan lemah

Beliau berkata, kelemahan penguatkuasaan kerajaan Selangor bagi membanteras kegiatan

INFO

Isu banjir besar

● Kegiatan melombong pasir secara haram yang semakin berleluasa menyebabkan beberapa ban di tebing sungai utama di kawasan terbabit pecah, mengakibatkan air sungai mudah melimpah setiap kali hujan lebat.

tan haram itu menyebabkan masih banyak pihak berdegil meneruskan aktiviti berkenaan tanpa menghiraukan keselamatan penduduk setempat.

Selain faktor ban pecah angkara perlombongan pasir secara haram, katanya, pengurusan sisa pepejal yang tidak teratur di tempat berkenaan turut menjadi penyumbang banjir kilat apabila banyak longgokan sampah tidak dikutip dan menghalang aliran air.

"Keadaan ini bertambah buruk apabila banyak sistem perparitan khususnya yang berada di bawah pentadbiran pihak berkuasa tempatan (PBT) tidak diselenggara secara berjadual. Sepatutnya kerajaan negeri ambil tindakan pantas termasuk memperbaiki infrastruktur seperti jalan yang rosak selepas banjir," katanya.



“
Pengurusan sisa pepejal yang tidak teratur di tempat berkenaan turut menjadi penyumbang banjir kilat”

Mohd Zin Mohamed,
Ahli Parlimen Sepang